



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KENYATAAN MEDIA

---

## **PEWARTAAN KELUAR HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA, SELANGOR SELUAS 536.7 HEKTAR BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN**

---

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) merujuk kepada artikel yang disiarkan dalam Malay Mail pada 30 Ogos 2021 bertajuk "Selangor Government Approves Degazettement of Kuala Langat North Forest Reserve, 536.7ha to be Developed".

Malaysia komited dalam memastikan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara dilitupi kawasan berhutan selaras dengan komitmen yang dinyatakan di peringkat antarabangsa. Pemeliharaan kawasan berhutan adalah penting disebabkan oleh peranannya dalam memberikan perkhidmatan ekosistem kepada kesejahteraan hidup masyarakat.

Secara dasarnya, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan Jabatan/Agensi di bawah Kementerian telah menyatakan pendirian tidak bersetuju terhadap tindakan pewartaan keluar Hutan Simpan Kuala Langat Utara ini khususnya di peringkat awal cadangan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Pihak Kementerian dan Jabatan/Agensi berkaitan juga telah mengemukakan bantahan rasmi kepada Kerajaan Negeri Selangor berhubung pewartaan keluar Hutan Simpan Kuala Langat Utara pada tahun 2020.

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab dalam pengurusan sumber asli negara, Kementerian ini memandang berat dan mengambil perhatian pewartaan keluar Hutan Simpan Kuala Langat Utara yang melibatkan kehilangan sebahagian daripada keluasan asal iaitu seluas 957.63 hektar. Ini kerana sehingga tahun 2019, data Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) menunjukkan jumlah kawasan berhutan Negeri Selangor adalah pada 31.74%.

Kementerian ini mengambil maklum penggantian seluas 579.64 hektar melibatkan 4 kawasan hutan berasingan iaitu Hutan Simpan Sungai Panjang (308.62 hektar), Hutan Simpan Buloh Telor Barat (149.96 hektar), Hutan Simpan Buloh Telor Timur (57.18 hektar) dan Hutan Simpan Broga (63.88 hektar) sebagai Hutan Simpanan Kekal. Dalam hal ini, Kementerian ini juga mengesyorkan agar kawasan gantian tersebut terus dilindungi dan dipulihara bagi memastikan kawasan berhutan di Negeri Selangor dikekalkan.

Kerajaan Negeri Selangor diharap memastikan kawasan hutan yang telah diwartakan keluar tersebut dibangunkan dengan bertanggungjawab dan mengambil kira amalan pembangunan lestari termasuk memastikan kecukupan zon penampungan dan semua syarat Laporan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) yang telah ditetapkan, dipatuhi sepenuhnya. Ini bagi memastikan pembangunan yang bakal dilaksanakan tidak mengganggu gugat kawasan hutan dan ekosistem yang terletak bersebelahan, mahupun kehidupan masyarakat setempat khususnya masyarakat Orang Asli.

**YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

2 September 2021